


BULETIN SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



Edisi April - Jun 2024 Bil 2/2024 *ISSN 1823-3392* Percuma



Pembentangan dan Perbahasan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM Tahun 2021 dan 2022

muka surat 15



**International Symposium on
Empowerment of Children's Commission :
Strengthening Rights and Safeguarding
Futures**

muka surat 5



**Kunjungan Hormat ke atas Ketua Pengarah,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional**

muka surat 13

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong Setiausaha

Editor

Muhammad Syafiq Ikhwan Ghazali
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik

Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiarkan semula tanpa keizinan.



KANDUNGAN

- | | |
|----|---|
| 04 | ❖ Lawatan Kerja ke Pusat Bimbingan Alternatif Grace (PBAG), Tawau, Sabah
❖ Kunjungan Hormat ke atas Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) |
| 05 | ❖ Program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Nanga Medamit, Limbang
❖ <i>International Symposium on Empowerment of Children's Commission : Strengthening Rights and Safeguarding Futures</i> |
| 06 | ❖ Mesyuarat Kongsi Pengalaman Berkanaan Hukuman Sebatan, Undang-undang Syariah dan UNCAT |
| 07 | ❖ Kunjungan Hormat Pejabat SUHAKAM Sabah ke atas Pengarah Mahkamah Negeri Sabah |
| 08 | ❖ Kunjungan Hormat ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Perak, Negeri Sembilan dan Sabah |
| 09 | |
| 10 | ❖ Jemputan Membuka Reruai Pameran SUHAKAM <ul style="list-style-type: none">• Bersempena Seminar Mencegah dan Membasmi Amalan Buruh Paksa di Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang• Bersempena Program Minggu Kesedaran Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2024 |
| 11 | ❖ Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) |
| 12 | ❖ Sesi Syarahan mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia
❖ Sesi Perkongsian Ilmu Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Kepada Pihak Pengurusan Unitrade Industries Berhad |
| 13 | ❖ Kunjungan Hormat ke atas Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional |
| 14 | ❖ Seminar Pengenalan Kepada Prinsip Mendez di Malaysia |
| 15 | ❖ Pembentangan dan Perbahasan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM Tahun 2021 dan 2022 |



LAWATAN KERJA KE PUSAT BIMBINGAN ALTERNATIF GRACE (PBAG), TAWAU

TAWAU, 17 April 2024 - Pejabat SUHAKAM Sabah yang diketuai oleh Pesuruhjaya Datuk Mariati Robert telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Bimbingan Alternatif Grace (PBAG), Tawau, Sabah untuk melihat secara langsung usaha pihak PBAG dalam menyediakan akses kepada pendidikan bagi kanak-kanak tanpa dokumen di daerah Tawau. PBAG yang merupakan pusat pendidikan alternatif pertama dan tunggal di negeri Sabah telah menerima pengiktirafan berdaftar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2015.

Pejabat SUHAKAM Sabah percaya menerusi penyediaan akses kepada pendidikan untuk kanak-kanak tanpa dokumen, PBAG bukan sahaja mampu memperkasakan kanak-kanak ini, tetapi turut berpeluang membuka jalan ke arah masa hadapan yang lebih cerah dan inklusif tanpa mengira latar belakang.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR (NRES)

PUTRAJAYA, 18 April 2024 - SUHAKAM menerusi Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES). Kedatangan delegasi SUHAKAM disambut oleh YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar.

Pertemuan ini bertujuan membincangkan secara terperinci isu-isu hak asasi manusia terhadap alam sekitar yang bersih dan mampan, sejajar dengan advokasi SUHAKAM dalam memperjuangkan pindaan terhadap Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Untuk rekod, SUHAKAM dalam usaha menggesa Kerajaan meminda Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan di mana peruntukan berkaitan alam sekitar yang bersih sebagai hak asasi manusia yang dijamin perlu dinyatakan dengan jelas. Peruntukan ini amat mustahak kerana hak kepada nyawa sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berkait rapat dengan keadaan persekitaran yang bersih dan sihat.

SUHAKAM optimis dan komited untuk terus bekerjasama dengan NRES dalam usaha memartabatkan hak asasi manusia kepada alam sekitar yang bersih dan mampan.



PROGRAM SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT DI NANGA MEDAMIT, LIMBANG



LIMBANG, 27 April 2024 - Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) yang menjadi medan merapatkan lagi jurang antara SUHAKAM dengan masyarakat diteruskan di Nanga Medamit, Limbang, Sarawak.

Seramai lebih 50 orang telah hadir ke program ini yang terdiri daripada Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum di kawasan Nanga Medamit, Pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Limbang, Pegawai-pegawai Pejabat Daerah Limbang dan Pejabat Daerah Kecil Nanga Medamit, kakitangan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Nanga Medamit serta Ahli-ahli Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Limbang.

Selain penerangan ringkas mengenai hak asasi manusia, para peserta turut berpeluang mengutarakan sebarang kekeliruan dan isu hak asasi manusia yang dihadapi.

INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON EMPOWERMENT OF CHILDREN'S COMMISSION: STRENGTHENING RIGHTS AND SAFEGUARDING FUTURES

KUALA LUMPUR, 29 - 30 April 2024 - Satu program yang dinamakan *International Symposium On Empowerment of Children's Commission: Strengthening Rights and Safeguarding Futures* telah diadakan di Pusat Timbang Tara Antarabangsa, Asian International Arbitration Centre (AIAC), Kuala Lumpur. Program yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) itu merupakan platform bagi menyatukan semua pihak berkepentingan dalam memastikan hak setiap kanak-kanak ditegakkan dan dilindungi. Memetik sebahagian ucapan YB Dato' Sri Azalina, beliau menekankan kepentingan perlindungan undang-undang untuk kanak-kanak terutamanya dalam masa yang serba mencabar kini memandangkan kanak-kanak lebih terdedah kepada pelbagai jenis ancaman lebih-lebih lagi yang melibatkan aplikasi dalam talian.





MESYUARAT KONGSI PENGALAMAN BERKENAAN HUKUMAN SEBATAN, UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN UNCAT

GENEVA, 8 Mei 2024 - Association for Prevention of Torture (APT) dengan kerjasama SUHAKAM, telah menganjurkan satu mesyuarat khas untuk berkongsi pengalaman mengenai hukuman sebatan, undang-undang Syariah, dan Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT). Mesyuarat istimewa itu turut disertai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Indonesia (Komnas HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Maldives (NHRI Maldives).

Majlis tersebut menjadi platform bagi semua Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang turut serta untuk bersama-sama mempelajari di samping meningkatkan kesedaran dalam kalangan negara-negara Islam yang mengamalkan sistem dwi undang-undang mengenai sistem undang-undang sivil dan syariah domestik. Selain itu, NHRI yang terlibat turut berpeluang mengenal pasti langkah untuk menyelaraskan sistem undang-undang sivil dan syariah domestik dengan UNCAT.

SUHAKAM mensasarkan pelaksanaan kerjasama pada masa hadapan dengan Komnas HAM dan NHRI Maldives dalam bertukar amalan terbaik mengenai UNCAT dan kesesuaianya dengan sistem dwi undang-undang.



KUNJUNGAN HORMAT PEJABAT SUHAKAM SABAH KE ATAS PENGARAH MAHKAMAH NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 16 Mei 2024 - Delegasi Pejabat SUHAKAM Sabah yang diketuai Pesuruhjaya Datuk Mariati Robert, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Mahkamah Negeri Sabah, YBrs. Puan Egusra Ali. Kunjungan hormat tersebut turut disertai oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, YBrs. Puan Elsie Primus, dan Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, YBrs. Tuan Pitrus Lee.

Antara perkara yang dibincangkan ialah mandat dan gerak kerja Pejabat SUHAKAM Sabah, termasuklah perkembangan semasa Memorandum Persefahaman (MoU) Untuk Mencari Penyelesaian Jangka Panjang Kepada Isu Penduduk Tanpa Kewarganegaraan di Sabah yang sedang berjalan secara aktif. Di samping itu, Pengarah Mahkamah Negeri Sabah turut berkongsi mengenai inisiatif program Mahkamah Bergerak (Mobile Court), yang membolehkan Majistret mendengar permohonan kes sijil daftar lewat kelahiran dan kematian, selain menjalankan prosiding kes sivil dan jenayah yang melibatkan pemohon di kawasan pedalaman atau kampung-kampung terpencil di seluruh Sabah.





Perak

IPOH, 1 April 2024 - SUHAKAM yang diketuai Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, diiringi Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal dan Puan Nazira Abdul Rahim bersama barisan Pegawai SUHAKAM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Mufti Negeri Perak dan disambut oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Wan Zahidi Wan Teh, Mufti Negeri Perak.

Antara perkara yang dibincangkan semasa pertemuan tersebut ialah potensi kerjasama antara kedua-dua agensi dalam mencari penyelesaian khusus terhadap isu-isu hak asasi manusia yang berada di bawah kuasa Mufti Kerajaan Negeri di samping berkongsi pandangan mengenai hukum, fatwa dan penyelarasan enakmen antara negeri-negeri bagi isu tertentu seperti isu kanak-kanak terdampar, kaedah pemprosesan, pembekalan makanan dan bahan mentah halal ke pusat-pusat tahanan serta hukuman alternatif terhadap kesalahan jenayah syariah.





Negeri Sembilan

SEREMBAN, 17 April 2024 - Delegasi SUHAKAM yang diketuai Pesuruhjaya, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, diiringi Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid, Puan Nazira Abdul Rahim serta Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Dr. Farah Nini Dusuki bersama barisan Pegawai SUHAKAM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinain Badaruddin, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

Pertemuan tersebut telah membincangkan pelbagai isu hak asasi manusia yang melibatkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Mufti Kerajaan Negeri seperti penetapan had umur perkahwinan kanak-kanak, hak kepada banduan penjara dalam menunaikan ibadat dan penjagaan keselamatan pelajar di institusi tahfiz. Selain itu, turut dibincangkan potensi kerjasama masa hadapan dengan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dalam menjalakan program-program kesedaran mengenai hak asasi manusia kepada masyarakat umum.



Sabah

KOTA KINABALU, 6 Jun 2024 - Delegasi SUHAKAM yang diketuai Pesuruhjaya, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, bersama-sama barisan Pesuruhjaya dan Pegawai SUHAKAM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Mufti Negeri Sabah dengan disambut oleh YBhg. Datuk Ustaz Haji Abdul Manap Lakariba, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sabah di Kota Kinabalu, Sabah.

Pejabat Mufti Negeri Sabah menyambut baik inisiatif SUHAKAM dalam menangani isu-isu hak asasi manusia di negeri Sabah yang melibatkan hukum agama termasuk meluaskan jaringan kerjasama dalam mempromosikan hak asasi manusia kepada masyarakat umum.



JEMPUTAN MEMBUKA RERUAI PAMERAN SUHAKAM

BERSEMPENA SEMINAR MENCEGAH DAN MEMBASMI AMALAN BURUH PAKSA DI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Tarikh: 20 Mei 2024

Tempat: Bertam Resort, Kepala Batas, Pulau Pinang

Objektif: Meningkatkan kesedaran majikan sektor swasta termasuk agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mencegah dan membasmi sebarang bentuk amalan buruh paksa di tempat kerja.



BERSEMPENA PROGRAM MINGGU KESEDARAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN 2024



Tarikh: 12 – 14 Jun 2024

Tempat: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Objektif: Meningkatkan kesedaran hadirin khususnya warga UNIMAS mengenai hak-hak yang perlu dipatuhi dalam dunia pekerjaan ke arah membentuk satu persekitaran kerja yang lebih kondusif dan mematuhi hak asasi para pekerja.



BENGKEL HAK ASASI MANUSIA UNTUK PEGAWAI PEJABAT KEMAJUAN ORANG ASLI DAERAH (PKOAD), JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)



KUALA LUMPUR, 27 - 29 Mei 2024 - SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah mengadakan Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur.

Bengkel ini bertujuan untuk memupuk kesedaran berkaitan hak asasi manusia dalam kalangan peserta, memberi kefahaman mengenai piawaian hak asasi manusia antarabangsa berkenaan Orang Asli, Wanita dan Kanak-kanak serta mendapatkan pandangan mengenai usaha dan cabaran yang dihadapi peserta dalam memajukan hak asasi komuniti Orang Asli termasuklah wanita dan kanak-kanak.

Di samping slot istimewa bersama Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd. Awal, bengkel tersebut turut diisi dengan sesi penerangan oleh para Pegawai SUHAKAM.

SESI SYARAHAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA DAN TANPA KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA



NILAI, 12 Jun 2024 - Hasil kerjasama antara SUHAKAM dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), satu syarahan mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia telah diadakan di kampus USIM, Nilai, Negeri Sembilan. Dihadiri lebih 100 pelajar USIM, program kerjasama ini merupakan syarahan ketiga dalam rangka siri syarahan SUHAKAM mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan.

Dalam sesi tersebut, Pesuruhjaya Datuk Mariati Robert membentangkan hasil dapatan daripada Laporan Kajian SUHAKAM 'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia.' Di samping itu, sesi yang turut dihadiri oleh YBrs. Prof. Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM juga mengetengahkan diskusi bersama barisan panel seperti Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal (*Taylor's University*), Cikgu Siti Rahayu Baharin (Sekolah Buku Jalanan Chow Kit) dan Encik Wong Kueng Hui (wakil komuniti tanpa warganegara) serta dimudahcara oleh Prof. Madya Dr. Rodziana Mohamed Razali (USIM).



SESI PERKONGSIAN ILMU MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA KEPADA PIHAK PENGURUSAN UNITRADE INDUSTRIES BERHAD

SHAH ALAM, 12 Jun 2024 - Sejajar usaha SUHAKAM untuk menggalakkan pematuhan lebih banyak perusahaan dan syarikat persendirian di Malaysia terhadap hak asasi manusia, Pesuruhjaya YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid telah mengendalikan sesi perkongsian ilmu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia kepada pihak pengurusan Unitrade Industries Berhad.

SUHAKAM berharap agar inisiatif syarikat ini akan menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain di Malaysia, supaya kemajuan ke arah integrasi pertimbangan hak asasi manusia dalam amalan perniagaan dapat dicapai, selari dengan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang dijangka akan dilancarkan pada 2025.





KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA PENGARAH, JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



PUTRAJAYA, 20 Jun 2024 - Delegasi SUHAKAM yang diketuai oleh Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim bersama barisan Pegawai SUHAKAM daripada Bahagian Media dan Promosi (MPD) serta Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Dato' Hj. Che Roslan Che Daud.

Matlamat pertemuan adalah bagi membincangkan potensi kerjasama bersama JPNIN untuk mengadakan program-program kesedaran kepada masyarakat dalam usaha memupuk semangat perpaduan antara kaum dan agama, termasuk inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak kanak-kanak dan memastikan perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan atau pengabaian.

Kerjasama ini dilihat amat mustahak dan selari dengan salah satu prinsip yang digariskan dalam Pelan Strategik SUHAKAM bagi tahun 2021 - 2025 iaitu untuk memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia.

Semoga semua yang dirancang dan dibincangkan akan dapat direalisasikan pada masa akan datang.



SEMINAR PENGENALAN KEPADA PRINSIP MENDEZ DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Jun 2024 - Bersempena Hari Antarabangsa Menyokong Mangsa Penyeksaan, SUHAKAM dengan kerjasama Association for the Prevention of Torture (APT) telah menganjurkan Seminar Pengenalan kepada Prinsip Mendez di Malaysia bertempat di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.

Tujuan penganjuran seminar ini adalah untuk memperkenal dan meningkatkan kefahaman pihak berkuasa Malaysia serta pihak berkepentingan terhadap Prinsip Antarabangsa mengenai Temuduga Berkesan untuk Penyiasatan dan Pengumpulan Maklumat atau lebih dikenali sebagai Prinsip Mendez. Kefahaman mengenai prinsip ini adalah mustahak bagi mencegah sebarang bentuk penyeksaan atau layanan buruk ketika satu-satu prosiding soal-siasat dijalankan. Dalam seminar tersebut, Pesuruhjaya YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

SUHAKAM berharap seminar ini telah sedikit sebanyak membantu meningkatkan penguasaan para peserta bagi menjalankan satu bentuk temuduga penyiasatan dan pengumpulan maklumat yang lebih berkesan, dan dalam masa yang sama masih mematuhi semua prinsip hak asasi manusia.



PEMBENTANGAN DAN PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SUHAKAM TAHUN 2021 DAN 2022

KUALA LUMPUR, 27 Jun 2024 - Susulan pandemik Covid-19 yang menyaksikan penangguhan pembentangan dan perbahasan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM bagi tahun 2021 dan 2022, kedua-dua laporan penting ini akhirnya dibentang serta dibahaskan pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen ke-15.

Antara penekanan yang dibawa oleh SUHAKAM dalam kedua-dua laporan tahunan itu ialah berkenaan kepentingan memperkuatkan peranan dan kepimpinan SUHAKAM dalam melindungi dan memperkasa hak asasi manusia; memacu ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; meningkatkan kesedaran terhadap hak kanak-kanak; memperkuatkan kapasiti organisasi SUHAKAM dan menambahkan baik modal insan; serta memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia.

Semoga melalui penglibatan Ahli Parlimen dan Kementerian masing-masing dalam pembentangan dan perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM ini akan membuka mata lebih banyak pihak terhadap realiti tahap pematuhan hak asasi manusia di Malaysia dan seterusnya meningkatkan lagi kefahaman masyarakat akan kepentingan menghormati prinsip hak asasi manusia dalam kehidupan harian mereka.





Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26125620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my